



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**SABTU 4 MEI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	TANAH TERBIAR MILIK KERAJAAN AKAN DIJADIKAN KAWASAN PERTANIAN, NEGARA, KOSMO -15 TANAH TERBIAR BAKAL DIUSAHAKAN PROJEK PERTANIAN, LAPORAN PRESTASI, BH -7 KENAL PASTI TANAH TERBIAR, NASIONAL, SH -14 TELITI SEMULA SISTEM PENDIDIKAN, NASIONAL, SH -14 TANAM PADI WAKTU MALAM PUNYAI MAKSUD TERSIRAT, NASIONAL, SH -14 IDEA TAK MASUK AKAL – PETANI, DALAM NEGERI, UM -6 SALAHUDDIN ANGGAP PM MAHU RAKYAT LEBIH INOVATIF, DALAM NEGERI, UM -6 TINGKATKAN TEKNOLOGI LEBIH PRAKTIKAL, DALAM NEGERI, UM -6 TIDAK MUSTAHIL TANAM PADI WAKTU MALAM, DALAM NEGERI, UM -6 2 PARTIES JOINT COOPERATION TO INCREASE AGRICULTURAL PRODUCTIVITY BY REDEVELOPING ABANDONED, NATION, KWONG WAH YIT POH -A4a AZMIN: IDLE GOVT LAND CAN BE USED TO DEVELOP AGRICULTURE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A1,A2 IDLE GOVERNMENT LAND CAN BE USED FOR AGRICULTUREM SAYS AZMIN, NEWS, NEW SARAWAK TRIBUNE -9 AZMIN: IDLE GOVT LAND CAN BE USED FOR AGRICULTURE, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -3 ADLE GOVT LAND IDENTIFIED FOR AGRI PROJECTS: MINISTER, NEWS, DAILY EKSPRESS -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
15. 16. 17.	IBU TUNGGAL DERA DUA ANJING PELIHARAAN DIDENDA RM4,000, NEGARA, KOSMO -8 BALASAN DERA DUA ANJING, SETEMPAT, HM -34 FINED RM4,000 FOR ABUSING HER DOGS, NATION, STAR -22	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
18. 19. 20.	SARANAN GUNA BENIH PADI BERMUTU TINGGI, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -2 PENANAMAN BUAH-BUAHAN ALIH FOKUS TERHADAP SNEK UNTUK EKSPORT, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -4 5 SYARIKAT DILANTIK PASARKAN HARUMANAIS BAGI ELAK LAMBAKAN, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
21.	10,000 BENIH IKAN JELAWAT DILEPASKAN, KUALA SELANGOR, SH -22	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
22.	AYAM KAMPUNG MARDI JANA PULANGAN, NEWS, BH (JOHOR) -73	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
23. 24. 25. 26. 27. 28.	ANJING LIAR PERLU TEMPAT BAHARU, FOKUS, SH -38 USAHA ATASI MASALAH, FOKUS, SH -39 'JANGAN BIMBANG SEMUA CUKUP', SENTRAL, SH -40 PESAWAH DIGALAK GUNA BENIH PADI BERMUTU TINGGI, NEWS, BH (SABAH AND SARAWAK) -1 BANTUAN ALSINTAN BERDAMPAK KONGKRET TERHADAP PEMBANGUNAN PERTANIAN, NEWS, MALAYSIA SHAFQA -5 FARMERS TURN TO PERAK GOVT FOR HELP OVER EVICTION, NATION, STAR -16	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



AZMIN (kanan) bersama Salahuddin (tengah) melihat buah jambu dan mempelam harumanis selepas mengadakan perbincangan strategik di Putrajaya semalam.

## Tanah terbiar milik kerajaan akan dijadikan kawasan pertanian

**PUTRAJAYA** - Kerajaan akan mengenal pasti tanah terbiar milik kerajaan yang tiada perancangan pembangunan di atasnya untuk digunakan bagi tujuan pertanian.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, bagi tujuan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) akan meneliti kaedah untuk memberi peluang kepada petani dan pekebun kecil menggunakan tanah tersebut bagi meningkatkan pendapatan mereka di samping meningkatkan hasil pertanian negara.

“Berdasarkan maklumat awal, terdapat banyak tanah milik kerajaan yang tidak dibangunkan selama ini dan tiada pelan pembangunan masa akan datang, jadi lebih baik kita bangunkan tanah ini untuk pertanian.

“MoA dengan kepakarannya akan menentukan kesuburan tanah itu untuk industri tertentu sektor pertanian,” katanya pada sidang akhbar selepas perbincangan strategik antara Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan MoA di sini semalam.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Da-

tuk Salahuddin Ayub. Semeritara itu, Salahuddin berkata, beberapa jenis tanaman yang boleh memberi hasil dalam jangka masa singkat seperti kuniyit, halia, serai dan beberapa sayur-sayuran bernilai tinggi akan dilaksanakan secara ber-sistematik di bawah program itu.

“Untuk tanaman kekal, kita akan lihat potensi durian, nangka madu J33 dan tanaman penting lain yang kita rasakan penting untuk membantu industri ternakan binatang seperti jagung bijian yang boleh digunakan untuk makanan ternakan,” katanya.



# Tanah terbiar bakal diusahakan projek pertanian

**Putrajaya:** Kerajaan akan mengenal pasti tanah milik kerajaan yang terbiar untuk diusahakan dengan projek pertanian.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata ketika ini, ada banyak tanah kerajaan yang terbiar dan tidak dibangunkan, selain tiada perancangan khusus untuk membangunkan tanah itu dalam masa beberapa tahun akan datang.

Katanya, perkara itu dimaklumkan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Datuk Ahmad Zaharin Mohd. Saad dalam perbincangan strategik antara Kementerian Pertanian dan Kementerian Perumahan dan Industri Asas Tani di sini, semalam, yang turut dihadiri Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

"Tanah ini akan diteliti oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk kita lihat bagaimana kita boleh bangunkan dan

memberi peluang kepada petani serta pekebun bagi menjalankan pertanian berskala kecil, sekali gus meningkatkan produktiviti dan hasil pertanian.

"Kita tidak dimaklumkan mengenai kegunaan tanah itu tetapi menurut maklumat awal, ada banyak tanah kerajaan yang tidak dibangunkan selama ini dan tiada rancangan pembangunan pada masa akan datang.

## Tentukan kesuburan tanah

"Justeru, lebih baik kita bangunkan tanah ini untuk pertanian dan kementerian dengan kepakaran mereka akan menentukan kesuburan tanah ini untuk industri tertentu bagi memajukan sektor pertanian," katanya di sini, semalam.

Mohamed Azmin berkata, beliau dan Salahuddin juga turut diberi taklimat mengenai imbasan dagangan dalam sektor pertanian yang membimbangkan, yang menuntut kerajaan untuk

menyelesaikannya.

Sebagai contoh, eksport makanan meningkat 2.2 peratus setahun bagi 2017 dan 2018, tetapi pada masa yang sama, import makanan turut meningkat pada kadar purata 3.5 peratus setahun, sekali gus menyebabkan defisit.

## Tumpu tanaman beri hasil dalam masa singkat

Sementara itu, Salahuddin berkata, kementerian akan memberi tumpuan kepada tanaman yang mendatangkan pendapatan dalam masa yang singkat di bawah Program Hasil Baharu dengan peruntukan RM1 bilion.

Antara tanaman yang boleh diusahakan ialah kunyit, halia dan serai serta beberapa jenis sayuran nilai tinggi yang boleh dilaksanakan secara sistematik.

"Untuk tanaman kekal, kita akan tengok tanaman seperti durian, mangga madu dan tanaman konon lain yang kita rasa penting

untuk membantu industri, selain tanaman jagung dan bijian untuk makanan ternakan," katanya.

Beliau berkata, kerjasama antara Kementerian dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi langkah pertama dalam membina sinergi antara kementerian agar tidak berlaku pertindihan fungsi dan pembaziran sumber.

Sebagai contoh, katanya, kerana penyelidikan yang ada di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) boleh menjadi panduan kepada penentuan tanaman baharu yang dapat mengeluarkan hasil yang tinggi dalam jangka masa yang lebih singkat.

"Perbincangan hari ini (semalam) juga menemokan potensi teknologi baharu era Revolusi Industri 4.0 seperti kecerdasan buatan (AI), analisis Big Data, drone dan Internet of Things (IoT) dalam meningkatkan produktiviti sektor pertanian," katanya.



**Tanah ini akan diteliti oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk kita lihat bagaimana kita boleh bangunkan dan memberi peluang kepada petani serta pekebun bagi menjalankan pertanian berskala kecil, sekali gus meningkatkan produktiviti dan hasil pertanian"**

**Mohamed Azmin Ali,**  
Menteri Hal Ehwal Ekonomi

# Kenal pasti tanah terbiar

*Dibangunkan sebagai tanah pertanian untuk beri hasil kepada petani*

NINA FARZUJIN MD SHAROM

PUTRAJAYA

**K**erajaan sedang mengenal pasti tanah terbiar milik kerajaan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai tanah pertanian yang boleh memberikan hasil pendapatan kepada petani dan pekebun kecil di negara ini.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan memainkan peranan dengan kemahiran dan kepakaran yang ada untuk menentukan kesuburan tanah-tanah itu bagi memajukan sektor pertanian negara.

"Kita telah dimaklumkan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan bahawa terdapat banyak tanah kerajaan yang terbiar.

"Namun, kita belum lagi dimaklumkan mengenai keluasan tanah yang ada tetapi daripada maklumat awal, kita dapati tiada sebarang perancangan ke atas tanah-tanah itu untuk beberapa tahun akan datang," katanya pada sidang media perbincangan



Mohamed Azmin (tiga dari kanan) beralamam dengan Salahuddin (tiga dari kiri) selepas mengadakan perbincangan strategik antara MOA dan MEA di Putrajaya semalam.

strategik antara MOA dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) di Putrajaya semalam.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pihaknya bercadang untuk memanfaatkan tanah terbiar itu dengan tanaman jangka masa pendek yang boleh mendapat hasil yang cepat.

"Kita akan lihat dari segi tanaman yang menguntungkan petani dalam masa sing-

kat seperti kunyit, halia, serai dan beberapa jenis sayuran bernilai tinggi yang kita jalankan secara sistematik

"Untuk tanaman kekal kita akan pergi kepada potensi durian, belimbing, nangka dan juga tanaman lain yang kita rasakan penting untuk kita membantu industri lain seperti industri makanan binatang seperti jagung bijian yang boleh digunakan untuk makanan ternakan," katanya.

## Teliti semula sistem pendidikan

PUTRAJAYA - Sistem pendidikan negara harus diteliti semula supaya masalah ketidakserasian pekerjaan dalam kalangan graduan dapat diselesaikan.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia bagi memastikan sistem pendidikan negara masa kini boleh memenuhi permintaan industri pekerjaan pada hari ini.

"Kita bincang soal ketidakserasian yang berlaku dalam sektor pekerjaan dan pasaran pada hari ini, di mana kita lihat nisbah tujuh daripada 10 orang graduan yang ada kini terlibat dalam kursus-kursus kemanusiaan.

"Sedangkan enam daripada 10 pekerjaan memerlukan mereka yang terlibat dalam bidang teknikal dan vokasional," katanya pada sidang media perbincangan strategik antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) di Putrajaya semalam.

Sementara itu, beliau berkata, beberapa langkah dan konsep telah dibincangkan pada mesyuarat tersebut.

Menurutnya, dua kertas polisi telah dibentangkan pada mesyuarat itu bagi membincangkan isu berkaitan peluang pekerjaan dalam kalangan graduan.

## Tanam padi waktu malam punyai maksud tersirat

PUTRAJAYA - Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub menyifatkan kenyataan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung inisiatif penanaman padi waktu malam sebagai kata-kata yang mempunyai maksud tersirat.

Menurutnya, kenyataan itu dibuat agar rakyat dapat memikirkan cara-cara terbaik bagi memastikan kehidupan yang lebih baik.

"Saya rasa Dr Mahathir bercakap dalam banyak lapis bahasa supaya kita semua lebih inovatif dan lebih memikirkan cara terbaik dalam kehidupan.

"Saya tidak membaca kenyataan itu hanya pada literal tapi dengan cara bagaimana kita harus melihat masa depan dengan idea yang lebih inovatif dan menggunakan setiap ruang dalam hidup ini untuk maju ke depan," katanya selepas sidang media perbincangan strategik antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) di Putrajaya semalam.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata, beliau bakal memperkenalkan beberapa inisiatif baharu termasuk penanaman padi pada waktu malam dalam usaha membantu meringankan kerja rakyat.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu berkata, inisiatif itu juga sekali gus dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja warga asing.



## Tingkatkan teknologi lebih praktikal

**ALOR SETAR 3 Mei** - Kerajaan masih mempunyai banyak ruang lain seperti meningkatkan teknologi penanaman padi dan penggunaan jentera moden yang lebih praktikal untuk membantu pesawah, daripada memperkenalkan idea menanam tanaman itu pada waktu malam.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kedah, Datuk Abdul Lateh Mohd. Saman berkata, antara teknologi yang perlu diberi perhatian serius adalah penggunaan dron yang terbukti menjimatkan tenaga manusia dan kos penanaman serta meracun.

Pada masa sama, kata beliau, jika benar-benar ikhlas hendak membantu pesawah, kerajaan seharusnya memberi tumpuan kepada isu pemberian subsidi yang selama ini bukan membantu golongan itu tetapi sebaliknya pengguna.

"Harga beras tempatan ditetapkan sejak sekian lama sedangkan beras import pula diapungkan.

"Selesaikan juga masalah yang membelenggu pesawah seperti meningkatkan kualiti benih padi, mengatasi penyakit dan serangan serangga," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

# Idea tak masuk akal - Petani

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**  
utusanperlis@utusan.com.my

■ **ARAU 3 Mei**

**CADANGAN** kerajaan untuk memperkenalkan beberapa inisiatif baharu termasuk menanam padi pada waktu malam disambut sinis oleh petani di negeri ini yang menyifatkannya sebagai tidak masuk akal.

**Saifullah Abi Jamrah**, 34, berkata, tidak pernah lagi dalam sejarah hidupnya sebagai petani mendengar cadangan menanam padi pada waktu malam.

Katanya, sebelah malam adalah waktu untuk mereka berehat selepas seharian bekerja.

Dalam masa sama, kata pesawah dari Guar Sanji itu, menanam padi pada waktu malam juga boleh mengundang risiko

terdedah kepada serangan ular dan binatang berbahaya lain di kawasan bendang.

"Bukan sahaja bahaya, malah kos juga bertambah apabila perlu memasang lampu, selain padi tidak sesuai ditanam waktu malam. Sekarang barang mahal, takkan kami perlu mengeluarkan kos lain untuk membeli lampu.

"Saya lihat cadangan itu adalah sangat tidak sesuai dan tidak masuk akal," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad memaklumkan bakal memper-



**FAUZI MUSTAFA**

kenalkan beberapa inisiatif baharu termasuk menanam padi pada waktu malam dalam usaha membantu meringankan kerja rakyat.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu dilaporkan berkata, inisiatif itu juga sekali gus dapat membuka lebih

banyak peluang pekerjaan dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing yang kini mencecah tujuh juta orang.

**Zamzuri Ishak**, 34, pula berkata, para petani bukanlah malas atau 'takut' untuk bekerja dalam cuaca panas kerana

mereka sudah biasa dengan keadaan seperti itu.

Katanya, daripada mencadangkan padi ditanam pada waktu malam adalah lebih baik kerajaan mencari jalan membantu petani dengan memperkenalkan idea-idea baharu untuk mempertingkatkan pendapatan mereka.

"Kami sudah lama bekerja di bawah panas terik matahari dan tidak menjadi masalah.

"Mana ada dalam dunia ini orang tanam padi waktu malam. Cadangan yang tidak masuk akal," katanya yang telah bersawah sejak 20 tahun lalu.

Seorang lagi pesawah **Fauzi Mustafa**, 35, pula berharap kerajaan berhenti memberi idea yang tidak masuk akal sebaliknya fokus membantu para petani.

## Salahuddin anggap PM mahu rakyat lebih inovatif

**PUTRAJAYA 3 Mei** - Kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa kerajaan sedang memikirkan untuk mengalihkan waktu bekerja siang kepada waktu malam dilihat sebagai 'lapik bahasa' supaya semua pihak lebih inovatif.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, kenyataan itu menjurus kepada maksud agar semua pihak lebih memikirkan cara-cara terbaik untuk maju ke

hadapan.

"Saya tidak membaca itu secara literal waktu malam tetapi saya membacanya sebagai bagaimana kita harus melihat masa depan dengan idea yang lebih inovatif.

"Ini termasuk bagaimana kita menggunakan setiap ruang dalam hidup untuk maju ke hadapan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Perdana Menteri semalam dilaporkan sebagai berkata, kera-

jaan sedang memikirkan untuk mengalihkan waktu bekerja siang kepada waktu malam dalam sektor pekerjaan tertentu.

Beliau menjelaskan, langkah itu bagi memudahkan pekerja tempatan, terutama mereka yang terpaksa bekerja di tengah panas.

Katanya, langkah itu juga bagi menggalakkan rakyat bekerja dalam sektor yang kini bergantung kepada tenaga kerja asing.



**SALAHUDDIN AYUB**

## Tidak mustahil tanam padi waktu malam



**PESAWAH** boleh mengusahakan tanaman padi pada waktu malam suatu hari nanti sekiranya sawah mereka menjadi lebih selamat dan sistematik.

**KUALA LUMPUR 3 Mei** - Saranan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad agar menanam padi pada waktu malam adalah sesuatu yang tidak mustahil dan boleh dicapai sekiranya beberapa aspek ditambah baik.

Dekan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Abdul Shukor Juraimi menegaskan suatu hari nanti padi boleh ditanam tidak kira siang atau malam di kawasan lebih selamat seperti dalam rumah hijau atau tempat lebih sistematik.

"Mungkin di bendang seperti yang ada sekarang kurang sesuai kerana terdapat binatang berbahaya, contohnya ular banyak pada waktu malam.

"Tetapi sekiranya sawah kita sudah moden suatu hari nanti, aspek keselamatan sudah tidak menjadi masalah, tidak mustahil boleh tanam padi pada waktu malam. Pekebun sayur seperti di Cameron Highlands sudah biasa bekerja pada waktu malam kera-

na mereka tanam dalam kawasan yang selamat.

"Ini akan meningkatkan produktiviti mereka kerana bekerja pada waktu malam, suhu 10 celsius lebih rendah berbanding waktu siang, mereka akan kurang penat, akan menghasilkan tanaman yang lebih banyak," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Tambah Abdul Shukor, sekiranya Dr. Mahathir mahu merealisasikan perkara itu, kemudahan dan infrastruktur di bendang dan sawah padi harus ditambah baik bagi memastikan keselamatan petani.

"Mungkin boleh wujudkan sesuatu seperti rumah hijau untuk padi dengan sistem air dan lampu yang memadai untuk pastikan keselamatan petani.

"Orang menoreh getah pun bermula seawal pukul 4 pagi kerana mereka yakin dengan keselamatan di kebun ketika itu. Jadi tidak mustahil untuk tanam padi pada waktu malam," katanya.

Headline	2 parties joint cooperation to increase agricultural productivity by redeveloping abandoned		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	04 May 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A4a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	212 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,377
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,131



经济事务部将与农业及农基工业部合作，重新开发长期遭荒废的土地。左起为赛夫安努尔、沈志勤、沙拉胡丁、阿兹敏阿里、莫哈末拉兹及沙烈胡丁哈山。

## 2造联手合作提高农产量 重新开发荒废土地

(布城3日讯)经济事务部将与农业及农基工业部合作，重新开发长期遭荒废的土地，以提高农业产量。

经济事务部长拿督斯里阿兹敏阿里说，近期发现许多政府土地没有被善加利用，有些则未来数年没有发展计划，有鉴于此，政府会勘察土地性质，再决定规划作为农业用途的土地。

不过，他表示不清楚荒废土地的数据。

他今日与农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁，就我国农业发展策略开会及签署合约备忘录后，在记者会上如此指出。出席者包括经济事务部副部长莫哈末拉兹、秘书长拿督赛夫安努尔、农业及农基工业部副部长沈志勤及秘书长拿督沙烈胡丁哈山等。

阿兹敏阿里也表示，该部将和农业部成立一特别小组，协助振兴我国农业及挽救联邦土地发展局的垦殖民。

他说，该特别小组由两部门秘书长领导，结集两个部门的力量共同振兴农业，目前，该部旗下有联邦土地复兴与统一局(FELCRA)、大马橡胶小园主发展局(RISDA)等机构。

“目前农业行销经验始终不足，需大马农业发展研究院(MARDI)协助，因此两部门将密切合作。”

他续说，我国2018年食品进口增长率是3.5%，但食品出口增长率仅有2.2%，令政府担心，尤其白糖与蜜糖的贸易赤字约32亿令吉、肉类同样约32亿令吉、蔬菜类约33亿令吉，壳物约34亿令吉。

“若再不引进新科技，更新种植技术，贸易赤字将逐步扩大。”

阿兹敏也说，该小组也致力探讨为农业，结合工业4.0技术如大数据、物联网等，栽培更多新人，为联邦土地发展局带来新气象。

此前，希盟政府已宣布在2019年至2022年，总计拨款10亿令吉予联邦土地发展局实行「新耕作计划」，种植经济作物(Cash Crop)如香茅、姜等，减少依赖单一种植物之余，能短时间内获取盈利。

另一方面，沙拉胡丁说，政府将在上述计划下，系统化推广种植可在短期内收成的农作物，例如姜黄、姜、香茅和数种高价值蔬菜。#



Headline	Azmin: Idle govt land can be used to develop agriculture		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	04 May 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A1,A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	1768 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 22,239
Frequency	Daily	PR Value	RM 66,717



# 阿兹敏：减进口增农民收入 闲置官地发展农业

【布城 3 日讯】与其闲置荒废，政府将善用没有发展计划的政府地，推动农业发展，提升农民收入，同时减少进口粮食造成的外汇流失。

经济事务部长拿督斯里阿兹敏阿里表示，将鉴定适合用来发展农业的闲置政府地，并研究如何让农民善用这些土地，增产农作，同时提升国家农业对经济的贡献。

“根据初步调查研究，许多政府地一直闲置，未来也没有发展计划，用来发展农业会更好。”

阿兹敏今天和农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁讨论国家农业新策略后，一同向媒体公布，两大部门将成立一个特别委员会，携手振兴农业，落实“经济农作物”新目标。

阿兹敏（右起）拿起水蓊与芒果，与沙拉胡丁及沈志勤交流水果经。



文转 ▶ A2

Headline	Azmin: Idle govt land can be used to develop agriculture		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	04 May 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A1,A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	1768 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 22,239
Frequency	Daily	PR Value	RM 66,717

# 阿兹敏：贸易失衡 寻商机减食品进口

文接封面 闲置官地发展农业

经济事务部长拿督斯里阿兹敏阿里说，目前食品贸易失衡情况令人担忧，必须寻求新穎农机技术，以减少国家对进口食品的依赖，这也有助提高农民收入，改善农民的生活。

他指出，虽然去年食品出口比 2017 年提升 2.2%，但这

期间，进口食品却也增加了 3.5%。

“如果采用先进科技和方式提升生产力，我们便可减少依赖进口食品。”

## 设联委会推新方向

出席者包括农业及农基工业部副部长沈志勤及经济事务

部副部长拉慈莫哈末博士。

农业部和经济事务部成立的联委会，也会注重在培育采用现代化种植技术的新生代垦殖民，同时协助联邦土地发展局恢复健全的财务状况。

这个特委会由西部门的秘书长领导，通过改革、迈向先进化、促进国家农业领域的繁荣与进步。

政府拨款 10 亿令吉，供

今年至 2022 年，落实这项革新大计。

阿兹敏阿里说，新农业改革大计，部门不再单独行动，而是组成一个内部团队，策划与推行改革的全面措施。

“我的部门属下机构拥有广泛的土地资源，却没有农业方面专业，这可以借助农业部属下的机构的专业，发展与推行农业，增加垦殖民、小园主及农夫的收入。”

两大部门今天的策略讨论会议，是联邦土地发展局白皮书在 4 月 10 日提交国会辩论的后续，以便开辟空间，通过协同效应，尽快增加农产，以实现规模经济。

## 沙拉胡丁：农业可成经济驱动力

农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁表示，与经济事务部合作，可更显著的提高生产力，同时可发掘和种植有潜力的农产品，协助驱动国家经济。

“经济事务部属下的机构包括联邦土地发展局、联邦土地复兴及统一局（Pefera）、联邦土地复兴及统一公司及大马橡胶小园主发展局（RISDA）有丰富的土地，可以更大规模的发展农业，并可增加国家的粮食供应。”

他说，农业部属下的机构包括农业局、渔业局、兽医局、联邦农业销售局与农民组织机构等，已准备提供技术与市场咨询，全力配合以达致目标。

### 2 部门合作互补互惠

“两个部门合作是协同效应的第一步，部门之间不会发生浪费资源及功能重叠，如马来西亚农业发展研究院在研究拥有专长，可以指导在短期内种植高收成的新农作物。”

他说，今天讨论的也包括探讨新的农业先进技术，包括工业 4.0 时、人工智能、大数据分析、无人机和物联网（IoT）等等的应用，以提高农业生产力。

“协同效应带来的好处，可以惠及所有相关者，当农作物和牲畜质量高时，可满足市场需求，消费者可享受更实惠的价格，而农民、垦殖民和小园主则可增加收入。”

提到种植的农作物，沙拉胡丁说，主要种植的是短期收成及可增收的农作物包括黄姜、姜、香茅玉米及蔬菜等。

“也会种植长期的水果如菠萝蜜、榴梿及火龙果等。”

沙拉胡丁说，首相建议大有人在晚上种稻，主要是要向人民传达跳出传统的思维框框，推动劳动力向前发展。

“我没意识到马哈迪发表的‘晚上种稻’论的意思是这样，但我觉得应是如何用创新



众部长难敌果王魅力，欲一尝口腹之欲，右为沈志勤，右三起沙拉胡丁与阿兹敏。

## “晚上种稻”论鼓励创新

的想法来看待未来，以及应该如何抓住前进的机会。”

他今天与经济事务部长拿督斯里阿兹敏阿里召开联合记者会后，针对首相敦马哈迪医生昨天建议大马晚间种稻，政府正探讨把一些工作的时

间，从白天改为晚上的谈话，这么会议。

马哈迪建议“肮脏、危险及劳累的‘3D 工作’，若在白天，天气炎热，工作不舒服，政府正在考虑是否可以将其工作时间从白天改为晚上。

## 菜总：严重短缺 60% 农耕地不合法

马来西亚菜农总会会长陈苏洲早前曾指出，国内农耕地短缺，而国内有多达 60% 是在非法的土地上耕种。

他指菜农总会支持农业部重新推动大马良好农业规范（MyGAP）认证，但必须先解决农民的土地问题，以及检讨及再修改条例。

这是因为若非法土地耕种问题没有获得解决，相关农民

就没有条件申请 MyGap 认证。

“农民申请 MyGap 认证的最基本需要，就是必须拥有自己的土地或持有正式的土地租借合约。”

### 盼统合 MyGap 认证

此外，在有关政策上，农民若是在不同的地方拥有几段园地，就得去申请几张 MyGap

认证，此举不妥，有关部门应该让农民以公司名义申请一张认证便可，而非根据土地面积认证。

他指农业部一直强调要发展我国农业，以免每年流失数十亿令吉外汇，但眼着我国多数农民还在非法或临时农耕地地耕种，由于农耕地没有地契，加上许多农耕地已转换成工业用途，政府必须先解决耕

地问题，才能进一步研究提高产量的工作。

“我国目前仍有许多荒置的农耕地和废矿地，许多华裔农民就是在这些政府土地上辛勤耕种，靠自己的劳力谋生，州政府应实行必要的利农政策，包括将所谓非法耕地合法化，让全国各地的农民友不必忧虑土地被政府强制收回，人人能安心耕种。”



Headline	Idle government land can be used for agriculture, says Azmin		
MediaTitle	New Sarawak Tribune		
Date	04 May 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	46,471
Page No	9	Readership	164,773
Language	English	ArticleSize	156 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 605
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,815



## Idle government land can be used for agriculture, says Azmin

**PUTRAJAYA:** The idle government land not earmarked for development will be identified for agriculture projects, said Economic Affairs Minister Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

He added the Agriculture and Agro-based Industry Ministry (MoA) will study the methods on how to provide opportunities for farmers and smallholders to use these lands to increase their income, and the country's crop yields.

"According to preliminary information, there is much government-owned land that have not been developed till today, and there are no future plans to utilise them.

"Therefore, it is better for us (the government) to develop idle land for agriculture," he told a joint press conference with his MoA counterpart Datuk Salahuddin Ayub after a strategic discussion between both ministries here

yesterday.

In addition, Mohamed Azmin said the worrying food trade balance now, had forced the government to seek new potential in order to reduce the country's dependence on imported food products, as well as to increase farmers' income.

Explaining further, he said although food exports grew by 2.2 percent last year as compared to 2017, food imports also increased by 3.5 percent in the same period.

"This has led to deficits in certain sectors such as sugar and honey recording RM3.2 billion, meat and meat preparation also at RM3.2 billion, vegetables (RM3.3 billion), grains (RM3.4 billion) and livestock (RM3.9 billion)," he said.

Mohamed Azmin said reducing dependence on imported food can be implemented in Malaysia if modern technology and new approaches were used to increase productivity. - Bernama

Headline	Azmin: Idle govt land can be used for agriculture		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	04 May 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	3	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	183 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,248
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,743



National

## Azmin: Idle govt land can be used for agriculture

**PUTRAJAYA:** Idle government land not earmarked for development would be identified for agriculture projects, said Economic Affairs Minister Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

He added the Agriculture and Agro-based Industry Ministry (MoA) would study the methods on how to provide opportunities for farmers and smallholders to use such land to increase their income, and the

country's crop yields.

"According to preliminary information, there is much government-owned land that has not been developed till today, and there are no future plans to utilise them.

"Therefore, it is better for us (the government) to develop idle land for agriculture," he told a joint press conference with his MoA counterpart Datuk Salahuddin Ayub

after a strategic discussion between both ministries here yesterday.

In addition, Mohamed Azmin said the worrying food trade balance now, had forced the government to seek new potential in order to reduce the country's dependence on imported food products, as well as to increase farmers' income.

Explaining further, he said although food exports grew by 22 per cent last year as compared

to 2017, food imports also increased by 3.5 per cent in the same period.

"This has led to deficits in certain sectors such as sugar and honey recording RM3.2 billion, meat and meat preparation also at RM3.2 billion, vegetables (RM3.3 billion), grains (RM3.4 billion) and livestock (RM3.9 billion)," he said.

Mohamed Azmin said reducing

dependence on imported food could be implemented in Malaysia if modern technology and new approaches were used to increase productivity.

"That is why MoA has suggested several immediate actions for cash crops, inter-cropping and integrated plants, and to use modern agriculture like hydroponics, aquaponics, fertigation or vertical farming," he said. — Bernama



Headline	Idle govt land identified for agri projects: Minister		
MediaTitle	Daily Express - Malaysia (dailyexpress.com.my)		
Date	04 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	5	Readership	6
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,200
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,600

## Idle govt land identified for agri projects: Minister

PUTRAJAYA: The idle government land not earmarked for development will be identified for agriculture projects, said Economic Affairs Minister Datuk Seri Mohamed Azmin Ali. He added the Agriculture and Agro-based Industry Ministry (MoA) will study the met...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

# Ibu tunggal dera dua anjing peliharaan didenda RM4,000



WOAN YONG (tengah) mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Melaka semalam atas kesalahan mendera dua ekor anjing peliharaannya tahun lalu.

**MELAKA** - Padah mendera dua ekor anjing peliharaan miliknya tahun lalu, seorang ibu tunggal didenda sebanyak RM4,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Norma Ismail menjatuhkan hukuman itu terhadap Lai Woan Yung, 37, selepas tertuduh mengaku bersalah sebab pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa mahkamah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai pemilik sepasang anjing jantan dan betina jenis kacukan berwarna hitam serta coklat kehitaman didapati gagal melaksanakan tindakan wajar sehingga menyebabkan kesakitan serta penderitaan terhadap haiwan tersebut.

Tindakan itu dilakukan tertuduh kira-kira pukul 10.20 pagi di sebuah rumah di Taman Merdeka, Hang Tuah Jaya pada 28 Jun 2018.

Berdasarkan fakta kes, pemeriksaan oleh Pegawai Veterinar Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Melaka di kediaman tertuduh mendapati kedua-dua haiwan itu didapati terlalu kurus dan mempunyai jangkitan penyakit kulit selain kesan bengkak pada mata kiri.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 44(1) (d) Akta Binatang 1953 (Akta 647) (semakan 2006) dan dibaca bersama Akta Binatang (Pindaan) 2013 (Akta A1452) yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga satu tahun jika sabit kesalahan.

Tertuduh yang diwakili peguam Sia Sin Yee merayu hukuman terhadapnya diringankan dengan alasan anak guamnya terpaksa menanggung beban hutang perusahaan perabot selain perlu menyara

ayab yang uzur serta seorang anak perempuan berusia 10 tahun selepas ditinggalkan suaminya.

Pegawai Pendakwa JPV Melaka, Raja Mazlan Raja Mamat bagaimanapun memohon hukuman setimpal dikenakan sebagai pengajaran terhadap tertuduh dan memohon kos rawatan kedua-dua haiwan tersebut yang berjumlah RM721 dibayar semula kepada jabatan.

Selepas mendengar rayuan kedua-dua pihak, Norma menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM4,000 atau tiga bulan penjara jika gagal bayar. Tertuduh membayar denda tersebut.

Hakim turut memerintahkan tertuduh membayar kos rawatan haiwan sebanyak RM721 kepada JPV dan kedua-dua anjing itu dipulangkan semula kepada tertuduh.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/5/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	34

# BALASAN DERA DUA ANJING

Mohd Hilmie Hussin  
mohdhilmie@hmetro.com.my

■ Ahli perniagaan kena denda RM4,000

**Melaka**

**A**hli perniagaan didenda RM4,000 di Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana mendera dua anjing peliharaan di rumahnya di Taman Merdeka, Hang Tuah Jaya, pada 28 Jun 2018.

Hakim Norma Ismail memerintahkan wanita terabit, Lai Woan Yong, 37, membayar denda berkenaan selepas mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan jurubahasa.

Mengikut pertuduhan, wanita yang mengusahakan perniagaan perabot itu didakwa menyebabkan kesakitan serta menyebabkan penderitaan tidak wajar kepada anjing jantan kacukan berwarna coklat kehitaman dan anjing betina kacukan berwarna hitam jam 10.20 pagi, 28 Jun 2018 di rumahnya.

Dia didakwa mengikut Seksyen 44 (1)(d) Akta Binatang 1953 (Akta 647) (Semakan 2006) dibaca bersama Akta Binatang (Pindaan) 2013 (Akta A1452).

Sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda hingga RM50,000 atau penjara hingga setahun atau kedua-duanya.



LAI keluar dari Mahkamah Sesyen, Ayer Keroh, semalam.

Mengikut fakta kes, pada 28 Jun 2018, jam 10.20 pagi, pegawai Veterinar Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Melaka, Dr Tuan Ajmal Tuan Kamaluddin bersama tujuh lagi penguat kuasa melawat lokasi selepas menerima aduan mengenai pengabaian binatang di lokasi berkenaan.

Sebaik tiba, pasukan ter-

babit yang memasuki kawasan berpagar mendapati seekor anjing berwarna coklat di hadapan rumah dalam keadaan dirantai, tidak bermaya dan terlalu kurus selain banyak kutu di badan dipercayai tidak diurus dengan baik.

Siasatan lanjut ke belakang rumah mendapati seekor lagi anjing tidak be-

rantai dalam keadaan lemah dan tidak aktif, dengan terlalu kurus, ada penyakit kulit selain mata kirinya bengkok.

Sehubungan itu, Dr Tuan Ajmal sebagai pengadu mengarahkan Pihak Berkuasa Veterinar merampas kedua-dua anjing berkenaan, selain membuat laporan polis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/5/2019	STAR	NATION	22

## Fined RM4,000 for abusing her dogs

**MELAKA:** A single mother was fined RM4,000 after she pleaded guilty to abusing two dogs.

Sessions Court judge Norma Ismail also ordered Lai Woan Yong to reimburse the authorities the cost of RM721 for treating the two pet dogs that she neglected.

The offence was committed at a house in Taman Merdeka, Hang Tuah Jaya, at about 10.20am on June 28 last year.

Officers from the state Veterinary Services

Department found the dogs scrawny and with skin infections; one had a swollen eye.

Lai, 37, was charged under the Animals Act 1953, read together with Animals (Amendment) Act 2013, which carries a maximum fine of RM50,000 or a jail term of up to one year or both, upon conviction.

The accused was represented by lawyer Sia Sin Yee while Raja Mazlan Raja Mamat, an officer from the department, prosecuted.



Headline	Saranan guna benih padi bermutu tinggi		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	04 May 2019	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	248 cm <sup>2</sup>
Journalist	R. Gonzales	AdValue	RM 527
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,581



## Saranan guna benih padi bermutu tinggi

### R. Gonzales

KOTA BELUD: Jabatan Pertanian Daerah menggalakkan petani menggunakan benih padi bermutu tinggi bagi mengusahakan padi sawah sekaligus meningkatkan pendapatan keluarga dan ekonomi negara.

Pembantu Menteri Pertanian Dan Industri Makanan Sabah, Dr Daud Yusof berkata, projek pengeluaran benih padi bermutu tinggi yang dilaksanakan Jabatan Pertanian mampu memberi jaminan kepada petani bahawa kualiti benih padi yang dikeluarkan memenuhi piawaian ditetapkan dalam MS ISO 2001:2015.

"Industri tanaman padi sangat penting terutama melalui Bahagian Agronomi Padi, Pusat Penyelidikan Pertanian (ARC) di mana hasil penggunaan varieti benih berkenaan seperti TR8 dan TR9 yang dilaksanakan mampu menghasilkan padi sehingga 7 tan/ha sekiranya mengikut panduan yang teratur.

"Hasilnya, dengan keadaan padi yang cepat matang ia boleh ditanam sebanyak tiga kali setahun selain tahan persekitaran seperti kemarau, tahan rebah, tahan keadaan masin dan mampu mengelak pelbagai penyakit atau serangga perosak," katanya kepada media.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Penuaian Benih Padi Skim Pengeluaran Benih padi di Kampung Tanjung Batu, di sini, Khamis lepas.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Usukan, Datuk Japlin Akim, Pegawai Daerah Kota Belud, Abdul Gari Itam dan Timbalan Pengarah Pertanian (Pembangunan) Sabah, Dzulkifli Ghulamdin.

Dr Daud berkata, kesedaran petani terhadap penggunaan benih padi bermutu tinggi masih pada tahap rendah khususnya di daerah Kota Belud, Tenom dan Papar.

"Disebabkan itu, pengeluaran benih padi Jabatan Pertanian melalui loji pemprosesan benih padi adalah rendah iaitu sekitar 25



**DR DAUD** merasmikan majlis dengan melakukan gelitik menuai menggunakan jentera mesin padi.

peratus sehingga 30 peratus sahaja setahun berbanding keperluan benih padi Sabah iaitu 3,000 sehingga 3,200 tan atau setahun sekiranya petani menggunakan kadar 100 kilogram atau ha.

"Sehubungan itu, Jabatan Pertanian Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pertanian Daerah (JPPD) perlu melibatkan semua pihak untuk menggalakkan petani menggunakan benih padi bermutu tinggi," katanya.

Pada majlis itu, seramai 18 petani mengikut yang menyertai Skim Pengeluaran Benih menerima Sijil dan bantuan benih padi bermutu tinggi.

Headline	PENANAM BUAH-BUAHAN ALIH FOKUS TERHADAP SNEK UNTUK EKSPORT		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	04 May 2019	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	250 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 818
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,455



## PENANAM BUAH-BUAHAN ALIH FOKUS TERHADAP SNEK UNTUK EKSPORT

PARA pekebun di Sarawak seharusnya dapat berasa gembira sekarang. Tanaman buah-buahan tempatan mereka yang berlebihan kini sudah ada pasaran lalu Jabatan Pertanian Sarawak. Berbeza dengan dahulu, biasanya pada musim buah-buahan, banyak yang terbuang kerana kerana tiada lagi pembeli. Pada pihak Jabatan Pertanian, buah-buahan lebihan boleh dijadikan snek yang boleh diekspor.

Perkara ini berlaku kerana kita beruntung memiliki kerajaan yang mentadbir Sarawak ini berwawasan luhur dan sungguh-sungguh menjaga kebajikan rakyat. Ikrar Kerajaan Sarawak untuk membangunkan negeri ini dan memakmurkan rakyatnya ternyata bukan omongan atau retorik politik yang tidak bermakna.

Apabila Kerajaan menjadi pembeli tanaman lebihan sudah tentu ada diwujudkan satu lagi kelompok yang

perlu mengendalikannya. Ini bermakna, wujud lagi jenis pekerjaan yang baharu untuk memproseskan hasil tanaman mereka secara lebih sistematik agar berupaya menemui pialawan pasaran, bukan sahaja domestic market di peringkat antarabangsa. Kini kita sudah dapat melihat bagaimana terung asam, jambu batu, halia, peria dan seumpamanya sudah boleh dijadikan snek yang enak sama dengan bagai sagu dan labaki men-



### WACANA PENGARANG

jadi snek pilihan ramai.

Di sinilah pengetahuan baharu, terutama sekali yang berkaitan dengan digital, boleh diaplikasikan. Jadi, semakin ramallah rakyat kita

mempraktikkan cara baharu untuk menghadapi cabaran baharu yang muncul akibat pola pembangunan yang semakin menghala ke tahap semakin canggih.

Sahubungan itu, pihak pekebun itu sendiri diberi peluang pula untuk memohon Dana Modal Perusahaan Pertanian. Semua langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Sarawak melandasi perancangannya untuk menjadi pengeksport makanan dan produk-produk makanan

menjelang tahun 2030.

Apabila Timbalan Ketua Menteri Daluk Amar Douglas Uggah ak Embas mendedahkan perkara ini kepada wartawan di lobi Dewan Undangan Negeri Khamis lepas, kenyataan itu amat mengembirakan para pekebun. Uggah, yang juga Menteri Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah memberitahu Jabatan Pertanian sedia untuk menganjurkan kursus, latihan, membekal mesin asas dan

pandanaan bagi membantu golongan penanam untuk terus maju dan meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.

Rakyat Sarawak harus bersyukur ditadbirkan oleh Kerajaan yang begitu prihatin, dan benar-benar mememikirkan rakyat, terutama sekali golongan luar bandar dan di pedalaman. Dalam erti kata lain, bagi Kerajaan Sarawak, politik digunakan sebagai wadah untuk ketulenan keikhlasan berjuang untuk rakyat.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/5/2019	KOSMO	NEGARA	14

## 5 syarikat dilantik pasarkan harumanis bagi elak lambakan

**KANGAR** - Lima syarikat telah diberi tanggungjawab untuk memasarkan mempelam harumanis ke seluruh negara dan luar negara bagi mengelakkan berlakunya lambakan.

Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man berkata, ia adalah inisiatif kerajaan Negeri bersama Jabatan Pertanian bagi membantu petani di negeri itu meraih pendapatan yang setimpal.

"Inisiatif ini dibuat bagi membantu petani di negeri kita. Mereka (syarikat) akan beli dan pasar ke seluruh negara termasuk luar negara.

"Dengan cara ini, kita pasti tidak akan berlaku lambakan harumanis di pasaran. Selain itu, ia bakal mempunyai pasaran tersendiri kerana sepenuhnya diuruskan oleh syarikat ber-

kenaan," kata Azlan.

Beliau ditemui pemberita selepas pelancaran Festival Jualan Mangga Harumanis Perlis 2019 yang disempurnakan oleh Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail di Pusat Kecemerlangan Mempelam Harumanis, Pusat Pertanian Bukit Bintang di sini semalam.



AZLAN

Menurut Azlan lagi, pokok harumanis di negeri itu dijangka akan mengeluarkan hasil mulai bulan ini dan ia akan terus dipasarkan bagi memenuhi permintaan.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Pertanian negeri, Hafizuddin Othman menganggarkan pengeluaran harumanis pada tahun ini mampu mencapai sehingga 2,100 tan metrik.



MEMPELAM harumanis Perlis dijangka akan memasuki pasaran bermula bulan ini.

Tambahnya, nilai jualan harumanis pada tahun ini juga dianggarkan akan meningkat berbanding tahun lepas yang mencatatkan lebih RM31.4 juta.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/5/2019	SINAR HARIAN	KUALA SELANGOR	22

## 10,000 benih ikan jelawat dilepaskan

**KUALA SELANGOR** - Sebanyak 10,000 benih ikan jelawat (*Leptobarbus hovenii*) bersaiz 4 inci dilepaskan di Sungai Selangor bagi meningkatkan hasil nelayan darat di daerah ini.

Ketua Daerah Perikanan, Kuala Selangor, Mohd Fazlan Abd Ghani menjelaskan, pelepasan benih di Jeti Kampung Tanjong Siam itu sebagai salah satu program pemuliharaan sumber perikanan darat.

"Inisiatif Jabatan Perikanan Negeri Selangor berterusan kerana ikan jelawat adalah salah satu daripada spesis tempatan yang sedia ada di Sungai Selangor.

"Program pelepasan benih ikan ini diharap dapat membantu meningkatkan hasil nelayan darat serta pemancing selain mengelakkan spesis ini hilang dari habitat asalnya," katanya.

Sebagai contoh katanya, pelepasan sebanyak 30,000 benih udang galah di Kampung Asahan pada



Rozhan melepaskan benih ikan jelawat di persisiran Sungai Selangor berhampiran Jeti Kampung Tanjong Keramat.

setahun lalu membuah hasil dan dinikmati nelayan darat setempat serta pemancing.

"Pelepasan pada Januari hingga Februari lalu sesuai ketika udang mencapai tempoh kematangan.

"Benih udang galah tersebut adalah hasil pembenihan dari Pusat Pengeluaran Udang Galah Jabatan Perikanan Malaysia di Kampung Acheh, Perak," katanya.

Sementara itu, Pegawai Perikanan Cawangan Pengurusan Sumber, Pejabat Perikanan Negeri Sela-

ngor, Mohd Rozhan Zakaria berkata, perbincangan bersama ketua kampung berkaitan isu perikanan turut diadakan sebelum pelepasan benih.

"Jabatan perikanan menyarankan program kelestarian sumber perikanan dijalankan secara bersepadu antara ketua kampung dan agensi berkaitan.

"Antara tindakan permulaan menubuhkan komuniti perikanan darat iaitu my komuniti perikanan (myKP) kelolaan jabatan bagi mengenal pasti lokasi pemuliharaan," katanya.



Headline	Ayam kampung MARDI jana pulangan		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	04 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	9,832
Page No	73	Readership	29,496
Language	Malay	ArticleSize	387 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,904
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,711



# Ayam kampung MARDI jana pulangan

**Melaka:** Ayam kampung lazimnya diusahakan penduduk luar bandar yang memelihara secara konvensional, dengan melepaskan ayam secara bebas dan tinggal di dalam reban yang sempit.

Bagaimanapun, berdasarkan permintaannya yang semakin meningkat, penternakan haiwan itu kini berfungsi sebagai industri menguntungkan, malah disokong penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Pengarah MARDI Melaka, Saniah Kormin, berkata ayam berkenaan diternak dalam reban intensif terbuka dengan nisbah 1:10 jantan kepada betina.

Katanya, MARDI berjaya menghasilkan anak ayam kampung asli melalui kumpulan ayam jantan dan induk betina terpilih berdasarkan tumbesaran dan ciri fizikal tertentu yang ditetapkan agensi berkenaan.

## Daging ayam lebih pejal

"Ayam kampung MARDI lebih pejal berbanding ayam kampung kacuk atau ayam kampung biasa dan kadar tumbesaran boleh mencapai berat 1.5 kilogram (kg) dalam tempoh 12 minggu.

"Kadar pengeraman telur ialah 120 biji setahun berbanding 80 biji bagi ayam kampung biasa atau kacuk, sekali gus memberikan pulangan memuaskan kepada penternak," katanya ketika ditemui di Ladang Ayam Sebang Agrofarm di Kampung Pulau Sebang, Alor Gajah, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarah MARDI Melaka, Nik Adli Nik Mohamad.



**Mohd Hafiz (kanan) memelihara ayam kampung MARDI di Ladang Ayam Sebang Agrofarm, Pulau Sebang, Alor Gajah.**

Ladang milik Mohd Hafiz Noordin, 50, dan rakan kongsinya, Azri Khairi Juaher, 27, itu adalah satu daripada tiga syarikat usahawan tani di negeri itu yang terpilih sebagai pengeluar utama ayam kampung asli MARDI atau 'Grand Parents Stock' untuk dibekalkan kepada penternak ayam kampung di dalam dan luar negeri.

## Modal RM100,000

Azri Khairi berkata, berbekal modal RM100,000 beliau dan rakan kongsinya memajukan tanah seluas 0.6 hektar milik Mohd Hafiz untuk membina enam reban yang setiap satu berkeluasan 6 x 7.6 meter persegi.

"Struktur bawah binaan reban ialah blok batu setinggi 0.3 meter dipagari dawai setinggi tiga meter manakala lantainya simen ditutupi dengan habuk

kayu," katanya.

Katanya, pada awal operasi, mereka hanya membeli 1,000 anak ayam kampung asli pada harga RM2.10 seekor daripada pengeluar di Pulau Pinang dan selepas dipelihara selama 12 minggu, haiwan itu dipasarkan pada harga RM14 sekilogram.

Hasil kesungguhan memajukan industri itu, syarikat mereka dipilih menerima geran *Inkind Contribution* MARDI bernilai RM30,000 pada Disember 2015 dan menggunakan modal membeli kelengkapan seperti inkubator (mesin eraman telur), kotak ayam bertelur dan makanan ayam.

Mereka diberikan kepercayaan MARDI Melaka untuk menjadi satu daripada 'Grand Parents Stock' pada 2016 yang dijanjikan untuk menerima pelbagai kemudahan, terutama

1,200 anak ayam kampung dari MARDI Bandar Muadzam Shah.

Sementara menunggu bekalan anak ayam itu, Azri Khairi dan Mohd Hafiz mendapatkan telur ayam kampung asli MARDI daripada peserta Grand Parents Stock MARDI di Kemaman, Terengganu pada harga 75 sen sebiji dengan kadar pembelian 3,000 biji setiap tiga minggu.

Kini mereka mampu bangga dengan kejayaan memasarkan ayam kampung MARDI yang mendapat permintaan tinggi daripada penternak ayam kampung dan peniaga restoran yang menyediakan menu ayam kampung dari seluruh negeri dan Lembah Klang.

Maklumat lanjut boleh diperoleh melalui Facebook Sebang Agrofarm atau menghubungi Azri Khairi (011-31996618).



# Anjing liar perlu tempat baharu

**M**asalah anjing liar dan terbiar di beberapa kawasan sekitar Negeri Sembilan bukanlah disebabkan oleh kegagalan agensi bertanggungjawab menjalankan tugas mereka.

Sebaliknya, ia dikenal pasti berpunca daripada masalah untuk menempatkan haiwan berkenaan selepas ditangkap.

Susulan itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan juga terpaksa menghentikan operasi menangkap haiwan berkenaan di beberapa kawasan utama seperti Seremban dan Nilai.

Semuanya disebabkan tiada tempat yang sesuai untuk meletakkan haiwan-haiwan berkenaan selepas ditangkap.

Sebelum ini, kerajaan negeri ada menyatakan hasrat untuk membuat sebuah tempat perlindungan anjing liar dan terbiar di kampung Sawah, Rantau.

Bagaimanapun, hasrat tersebut terpaksa dibatalkan ekoran beberapa masalah dihadapi.

*Sinar Harian* melihat justifikasi sebenar apa yang perlu dilakukan pihak berwajib terutamanya kerajaan negeri bagi mengatasi masalah anjing liar dan terbiar itu.

Perkara itu mungkin memerlukan masa untuk pertimbangan tetapi tidak boleh dibiarakan berlanjutan tanpa sebarang tindakan kerana masalah anjing terbiar bukan sahaja merugikan harta malah turut membahayakan nyawa penduduk.

**Tiada tempat perlindungan punca masalah anjing liar sukar diatasi**

**PERSATUAN** Pencinta Haiwan Furrykids Safehaven Negeri Sembilan memohon kerajaan negeri supaya lebih serius menangani masalah haiwan liar dan terbiar khususnya anjing di negeri itu.

Penasihatnya, Wong Chui Han berkata, mereka tidak bersetuju dengan cadangan membunuh bagi mengurangkan jumlah haiwan berkenaan.

Katanya, cara tersebut adalah kejam dan tidak adil kepada haiwan malah tidak menyelesaikan masalah anjing liar dan terbiar.

"Kita lebih cenderung menggunakan cara memanduk anjing untuk mengelakkan pembiakan.

"Cara seperti ini lebih berkesan malah ia turut dilakukan di negara maju seperti Turkey, Taiwan, Sri Lanka dan Singapura," katanya kepada *Sinar Harian*.



Anjing yang diselamatkan dan ditempatkan di pusat perlindungan yang diturunkan Persatuan Pencinta Haiwan Furrykids Safehaven Negeri Sembilan di Mambau, Negeri Sembilan.

Menurutnya, keprihatinan terhadap haiwan itu penting kerana mereka juga makhluk ciptaan tuhan yang perlu dilayan dengan baik.

Beliau berkata, selepas kejadian pada 6 September 2018 yang mana beberapa ekor anjing liar ditangkap dan diberikan suntikan bagi tujuan mematakannya pihaknya memandang serius perkara itu.

Susulan kejadian di Warisan Pute-ri, Sikamat itu, Chui Han berkata, pihaknya telah mengadakan mesyuarat dengan beberapa pegawai agensi kerajaan terlibat supaya tidak lagi menggunakan cara tersebut.

Tambahnya, PBT kemudiannya bersetuju untuk memberi sebidang tanah kepada badan bukan kerajaan (NGO) untuk menempatkan semua anjing liar yang ditangkap di Seremban dan Nilai dengan syarat kosnya ditang-

gung oleh NGO terlibat.

"Sehingga kini kami mempunyai 400 ekor anjing ditempatkan di Mambau, Negeri Sembilan dan kapasiti tempat yang ada tidak mencukupi untuk menerima anjing lain.

"Tempat perlindungan kami sudah penuh dan kami tidak boleh terima lagi anjing yang ditangkap oleh Majlis Perbandaran Seremban (MPS)," katanya.

Justeru, beliau berharap kerajaan negeri dapat menyediakan tempat baharu untuk mereka bagi menempatkan anjing liar dan terbiar yang ditangkap.

**Kos menjaga RM40,000 sebulan**

Sementara itu, Chui Han berkata, pihaknya memerlukan antara RM30,000 hingga RM40,000 sebulan bagi menjaga anjing yang ditempatkan di pusat perlindungan diuruskan.

Katanya, perbelanjaan tersebut termasuk kos memberi vaksin rabies, rawatan, membayar utiliti serta gaji pekerja.

"Persatuan kami tidak menerima sebarang dana daripada kerajaan negeri. Kos yang kami tanggung itu adalah hasil sumbangan orang ramai untuk membantu menyelamatkan haiwan

## KAWASAN ANJING LIAR DI SEREMBAN

- Rasah Jaya
- Taman Jasper
- Temiang
- Lobek
- Taman Makmur
- Taman Bukit Galena
- Temiang Jaya



terbiar diselamatkan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, mereka kini semakin terbeban dengan masalah kewangan namun harus bertahan demi perjuangan menyelamatkan haiwan-haiwan yang diselamatkan.

Justeru, katanya, mereka mengharapkan kerjasama daripada kerajaan negeri untuk mengatasi masalah tempat yang dihadapi.

"Sebab itu kami tidak boleh menerima anjing dari luar lagi kerana anjing sedia ada sudah terlalu banyak.

"Kami berharap sangat sekurang-kurangnya kerajaan negeri dapat menyediakan tempat yang lebih besar untuk menampung jumlah anjing yang semakin meningkat," katanya.

**Sehingga kini kami mempunyai 400 ekor anjing ditempatkan di Mambau, Negeri Sembilan dan kapasiti tempat yang ada tidak mencukupi untuk menerima anjing lain."**

- Chui Han







Tiga ekor anjing liar dilihat berkeliaran di sebuah rumah di Seremban, Negeri Sembilan.

## Usaha atasi masalah

**Kerajaan negeri kenal pasti tapak sementara untuk tempatkan anjing liar ditangkap**

Kerajaan negeri telah mengenal pasti beberapa tapak untuk dijadikan sebagai penempatan sementara anjing liar dan terbiar yang ditangkap.

Exco Kesejahteraan Bandar, Perumahan Kerajaan Tempatan, Teo Kok Seong berkata, langkah itu diambil bagi mengatasi masalah anjing liar yang kini mula mengancam keselamatan orang awam.

Menurutnya, sebelum ini sebidang tanah milik kerajaan negeri di Kuala Sawah telah dipilih tetapi ia didapati tidak bersesuaian selepas kajian dibuat.

"Kita perlu mengambil kira pelbagai aspek supaya ia tidak mengganggu keselesaan dan kesejahteraan penduduk sekitar untuk jangka masa panjang."

"Lokasi di Kuala Sawah itu selepas kita buat kajian semula geografinya tidak sesuai," katanya.

Bagaimanapun, katanya, orang ramai masih boleh membuat aduan seperti biasa jika terdapat masalah anjing liar di tempat mereka.

Beliau berkata, kontraktor telah dilantik bagi menguruskan masalah itu khususnya di kawasan bawah seliaan Majlis Perbandaran Seremban (MPS), Majlis Perbandaran Nilai (MPN) dan Majlis Perbandaran



TEO KOK SEONG.

Port Dickson (MPPD).

"Kita juga bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan dan Jabatan Veterinar untuk atasi masalah anjing liar dengan cara lebih berperikemanusiaan."

"Masalah ini bukan sahaja berlaku di Negeri Sembilan malah seluruh negeri yang mempunyai inisiatif

masing-masing untuk mengatasi-

nya," katanya. Dalam pada itu, beliau berkata, sejak awal tahun ini sebanyak 44 ekor anjing liar telah ditangkap di beberapa lokasi khususnya di kawasan perumahan hasil aduan orang ramai.

Katanya, setiap aduan akan diambil tindakan segera demi kesejahteraan dan keselamatan penduduk.

### Masalah mengancam nyawa

Masalah anjing liar dan terbiar di beberapa tempat di Negeri Sembilan boleh disifatkan berada di tahap membahayakan.

Haiwan berkenaan bukan sahaja berkeliaran dan merosakkan harta benda, malah turut mencederakan orang awam.

Perkara berkenaan dipercayai berlaku disebabkan masalah lapar, mengganggu dan provokasi penduduk setempat yang kurang senang dengan kehadiran haiwan berkenaan di kawasan masing-masing.

Berikut adalah beberapa kes yang pernah dilaporkan *Sinar Harian* berhubung masalah anjing liar dan terbiar itu.

### KES PERTAMA

PADA 15 Mac lalu, seorang kanak-kanak berusia 7 tahun terpaksa melakukan pembedahan di kaki kanan akibat digigit anjing di Taman Makmur, Seremban.

Mangsa, Kristyne Ford, 7, terpaksa menjalani pembedahan bagi mengelakkan jangkitan. Ibu saudaranya, Teen Chai Yaan, 30, berkata, anak saudaranya itu terpaksa mendapatkan rawatan di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban selama lima hari akibat kejadian sehingga menyebabkan kanak-kanak itu trauma.

"Kejadian berlaku sekitar jam 5.30 petang, ketika itu Kristyne berada di hadapan rumah. Seekor anjing liar tiba-tiba datang lalu menggigit kaki kanannya sehingga berdarah."

"Kesan gigitan tersebut sangat dalam. Mujur Kristyne segera dibawa ke hospital. Kini, dia semakin pulih tetapi masih mendapatkan rawatan susulan di hospital sama," katanya ketika ditemui di Pusat Khidmat DUN Lobak, baru-baru ini.

Katanya, beliau sekeluarga kecewa dengan kejadian berkenaan dan tidak mahu perkara sama berulang kepada orang lain.

"Kami harap kerajaan dan pihak berkaitan dapat ambil tindakan sewajarnya bagi menangani masalah anjing liar ini," katanya.

### KES KEDUA

NASIB sama turut dialami oleh seorang warga emas apabila menjadi mangsa serangan anjing liar di kawasan kediamannya di Taman Makmur pada bulan lalu.

Kong, 71, berkata, kejadian berlaku sekitar jam 8 pagi ketika dia sedang berjalan.

"Secara tiba-tiba seekor anjing datang ke arah saya lalu menggigit kaki kanan sehingga cedera," katanya.

Menurutnya, walaupun berjaya menyelamatkan diri tragedi tersebut tetap memberi kesan terhadap hidupnya.

"Masalah ini kalau dibiarkan boleh mengganggu ketenteraman penduduk setempat," katanya.

### KES KETIGA

DI Taman Jasper Jaya pula penduduk mengadu tertekan dengan masalah anjing liar dan terbiar itu.

Mereka sering berdepan dengan perkara-perkara tidak diingini yang menimbulkan rasa tidak selesa.

Iusteru, satu laporan telah dibuat kepada Biro Pengaduan Awam di kawasan berkenaan berhubung masalah dihadapi.

Penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Riz berkata, haiwan itu semakin melampau apabila sering berak di hadapan rumahnya.

Selain itu, katanya, haiwan tersebut juga mula mengancam keselamatan kanak-kanak yang bermain di depan rumah.

"Ada juga kes budak-budak dikejar anjing ketika bermain. Mujur tiada yang cedera," katanya.

Sehubungan itu, dia berharap supaya pihak yang bertanggungjawab mengambil tindakan segera bagi menjamin keselamatan penduduk.

"Jangan nak tunggu perkara buruk berlaku baru nak bertindak, itu sudah terlambat," katanya.

ADUN Lobak, Chew Seh Yong melawat salah seorang mangsa yang digigit anjing liar baru-baru ini.





TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/5/2019	SINAR HARIAN	SENTRAL	40

# 'Jangan bimbang semua cukup'

**FAMA jamin bekalan utama pasar tani mencukupi sepanjang Ramadan**

NINA FARZUIN MD SHAROM

PUTRAJAYA

**L**embaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan bekalan keperluan komoditi utama pasar tani di seluruh negara di sepanjang bulan Ramadan dan menjelang Syawal adalah mencukupi.

Pengerusinya, Ishak Ismail berkata, bekalan tersebut juga akan dijual dengan harga berpatutan serta mematuhi harga kawalan seperti mana yang ditetapkan kerajaan.

"Anggaran keperluan komoditi utama di pasar tani seluruh



Ishak (dan dari kiri) ketika merasmikan majlis Pelancaran Jimat Belanja Pra Ramadan @ Pasar Tani 2019 Peringkat Kebangsaan di Putrajaya semalam.

negara sepanjang Ramadan seperti daging adalah sebanyak 1,793 ekor lembu, 518,680 ayam dan 184,674 biji kelapa.

"Saya berharap peserta dan usahawan pasar tani dapat memastikan bekalan secukupnya dibekalkan kepada pengguna untuk keperluan Ramadan ini,"

katanya pada majlis Pelancaran Jimat Belanja Pra Ramadan @ Pasar Tani 2019 Peringkat Kebangsaan di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, penganjuran Pasar Tani Khas Pra Ramadan diadakan selaras dengan hasrat kerajaan menangani kenaikan harga barang-

an keperluan di pasaran terutama menjelang musim perayaan.

"Ia juga selaras dengan saranan kerajaan agar harga barangan keperluan diturunkan dan tidak membebaskan rakyat selain mendidik masyarakat agar pengguna berbelanja secara berhemah terutama dalam membeli barang-

an keperluan.

"Pasar Tani Pra Ramadan ini akan melibatkan 174 pasar tani terpilih dan akan mula beroperasi mulai hari ini sehingga 5 Mei 2019," katanya.

Menurutnya, operasi Pasar Tani Khas ini juga mampu menjadi ruang alternatif pengguna dengan memilih barangan seperti ayam, daging, ikan dan sayur di pasar tani yang segar, berkualiti dan harga yang berpatutan.

"Penjimatan antara lima peratus hingga ke 20 peratus berbanding harga pasar setempat adalah 'trademark' harga jualan di pasar tani secara keseluruhannya dan ia dilihat sebagai langkah dalam mengimbangi kenaikan harga barangan.

"Sebagai contoh untuk jualan istimewa Pra Ramadan ini, harga sekilogram timun adalah RM3.50 berbanding RM5.00, cili hijau RM12.00 berbanding RM18.00 dan beberapa barangan keperluan yang lain," katanya.

FOTO: ZAHID UZZAM

Headline	Pesawah digalak guna benih padi bermutu tinggi		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah and Sarawak)		
Date	04 May 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	246
Page No	1	Readership	738
Language	Malay	ArticleSize	128 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,378
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,135



## Pesawah digalak guna benih padi bermutu tinggi

**Kota Belud:** Projek pengeluaran benih padi bermutu tinggi yang dilaksanakan Jabatan Pertanian Sabah, menjamin kualiti bagi memenuhi piawaian ditetapkan dalam MS ISO 2001:2015.

Pembantu Menteri Pertanian Dan Industri Makanan Sabah, Dr Daud Yusof, berkata justeru pesawah di negeri ini digalak menggunakan benih padi berkualiti tinggi, sekali gus dapat meningkatkan pendapatan keluarga dan ekonomi negara.

“Industri tanaman padi amat penting, terutama di Pusat Penyelidikan Pertanian (ARC). Penggunaan benih terbabit seperti TR8 dan TR9, mampu menghasilkan padi hingga 7 tan sehektar.

“Proses pembesaran padi juga cepat matang dan ia boleh ditanam tiga kali setahun. Selain itu, benih ini tahan persekitaran seperti kemarau dan mampu mengelakkan pelbagai penyakit atau serangga perosak,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Penuaian Benih Padi Skim Pengeluaran Benih Padi di Kampung Tanjung Batu, di sini, kelmarin.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Usukan, Datuk Japlin Akim; Pegawai Daerah Kota Belud, Abdul Gari Itam; dan Timbalan Pengarah Pertanian (Pembangunan) Sabah, Dzulkifli Ghulamdin.

Bagaimanapun, Daud berkata, kesedaran petani terhadap penggunaan benih padi bermutu tinggi ketika ini masih pada tahap rendah, terutama di daerah Kota Belud, Tenom dan Papar.

“Sehubungan itu, pengeluaran Jabatan Pertanian negeri melalui loji pemprosesan benih padi adalah rendah, iaitu hanya sekitar 25 sehingga 30 peratus setahun, berbanding keperluan benih padi di Sabah antara 3,000 sehingga 3,200 tan setahun,” katanya.

Headline	Bantuan Asintan Berdampak Kongkret Terhadap Pembangunan Pertanian		
MediaTitle	Malaysia Shafaqna (malaysia.shafaqna.com)		
Date	04 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	5	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,200
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,600

## Bantuan Asintan Berdampak Kongkret Terhadap Pembangunan Pertanian

Bantuan pertanian yang kerap diberikan Kementerian Pertanian (Kementan) berdampak kongkret terhadap pembangunan pertanian di daerah.  
Baca tapak asal

*To read the rest of the article, click **View Full Article***



## Farmers turn to Perak govt for help over eviction

**IPOH:** Seven farmers facing eviction from their farms in Kampung Kuala Kuang are hoping the state government will step in.

One of the farmers, Seng Hee Chong, 54, claimed they had applied for titles to the land in the 1990s but had been told by the state Land and Mines office that another applicant had been given approval for the land.

"We continued to cultivate the land but in 2016, it was given to a company. We feel it is not fair to us as we have been toiling the land for three generations now," said Seng.

"We also applied for the land but it was rejected. This is our livelihood. I hope the Mentri Besar and the state exco member Asmuni Awi, who is also our assemblyman, will help us," he said after handing over a memorandum at the state secretariat building here yesterday.

The memorandum was received by administrative officer Hanita Alang Ismail from the Mentri Besar's office. Also present was Parti Sosialis Malaysia coordinator K. Kunasekaran who is helping them.

The farmers were issued with eviction notices in March, followed by court summonses in April by the landowner after they refused to vacate the farms. The case is to be heard on May 29, but the farmers are hoping the state government will intervene.